

27/03/2001

Penggiliran Ketua Menteri unik

Lichong Angkui

HARI ini, politik Sabah menyaksikan satu lagi peristiwa bersejarah dengan peralihan kuasa Ketua Menteri kepada penyandang baru menerusi sistem penggiliran yang dipraktikkan sejak 1994.

Pemimpin yang sering merendah diri, Datuk Chong Kah Kiat, 53, dijadual mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah ke-13 di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai, di Istana Negeri pagi ini, diikuti anggota Kabinet baru pada sebelah petangnya.

Dengan mewakili kuota pemimpin minoriti Cina, Chong menggantikan Datuk Osu Sukam, yang menamatkan tempoh dua tahun kelmarin menyandang jawatan itu bagi kuota Bumiputera Islam.

Proses peralihan kuasa Menteri Sabah itu adalah fasa kedua (daripada kuota Bumiputera Islam kepada Cina) dalam pusingan kedua setelah pusingan pertama (1994-1999) selesai.

Selepas giliran dua tahun Chong tamat pada 2003 nanti, jawatan itu akan diambil alih semula oleh Umno yang mewakili kuota Bumiputera Islam berikutan sedikit perubahan dengan formula baru 2:1:1 yang diperkenalkan.

Bermakna, pusingan kedua ini tidak seperti pusingan pertama dahulu apabila ketiga-tiga kelompok masyarakat di Sabah - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam - masing-masing diberi peluang satu penggal saja.

Dengan peralihan ini, bermakna bermulalah era baru dalam politik Sabah yang sememangnya sentiasa menarik perhatian sejak sekian lama. Mungkin tidak disangka oleh masyarakat minoriti Cina, apalagi Parti Liberal Demokratik (LDP) pimpinan Chong yang cuma mempunyai dua wakil rakyat, untuk pemimpin mereka diangkat sebagai Ketua Menteri. Namun, itulah keunikan politik Sabah. Ia hakikat ketelusan pimpinan tertinggi BN menunaikan janji dan komitmen politik mereka kepada rakyat Sabah.

Apabila Chong menduduki kerusi Ketua Menteri Sabah yang sentiasa berpusing itu, bermakna bermulalah tanggungjawab baru untuk dipikul. Di hadapannya terbentang hamparan cabaran _ politik dan ekonomi.

Berasaskan pengalaman dan latarbelakangnya, Chong yang berkelulusan bidang undang-undang dari Victoria University of Wellington, New Zealand, diyakini mampu mengemudi kepemimpinan negeri menyongsong cabaran di alaf baru ini.

Selain pernah menganggotai Kabinet Persekutuan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri selama lima tahun sehingga 1999, beliau juga arif mengenai 'kungfu' politik Sabah.

Malah, pembabitannya dalam politik sejak awal tahun 1980-an ketika era kerajaan Berjaya dahulu, adalah manifestasi jelas usia kematangannya terhadap pergolakan politik Sabah.

LDP yang ditubuhkan pada 1989 dan kemudian sebagai kerabat BN pada 1992, adalah antara parti politik Sabah tertua dalam komponen berkenaan.

Yang menariknya, peralihan kepemimpinan Osu kepada Chong berlangsung cuma dua hari selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah dengan memberi penjelasan lanjut berhubung formula baru 2:1:1 sistem penggiliran itu.

Seperti dijelaskan oleh Dr Mahathir, perubahan formula sistem penggiliran itu yang menyaksikan Umno diberi peluang dua penggal untuk menyandanginya, diterima baik rakyat Sabah.

Justeru, tidak timbul dakwaan konon ada pihak tidak puas hati mengenainya. Secara umum, kata Perdana Menteri, rakyat menerimanya secara terbuka dan tiada bantahan, apalagi dari kerabat BN sendiri.

Selain Umno dan LDP, parti-parti yang bernaung di bawah panji-panji BN Sabah ialah Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun/Murut Bersatu (Upko), Parti Maju Sabah (SAPP), Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), MIC, MCA dan Gerakan.

Yang jelas suara nyaring kedengaran, barangkali sekadar cetusan harapan agar Chong membawakan harapan dan era baru dalam kepemimpinan kerajaan negeri.

Bagi masyarakat Kadazandusun yang begitu mengharap mendapat giliran dulu berbanding masyarakat Cina, mereka tidak sewajarnya berkecil hati. Senario politik Sabah ketika pilihan negeri 1999 adalah `jawapan' kenapa Dr Mahathir mengubah formula dan memberikannya kepada kuota Cina terlebih dahulu, manakala masyarakat Kadazandusun terpaksa menunggu sekurang-kurangnya empat tahun lagi.

Ini kerana Umno akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri sekali lagi selepas penggal dua tahun Chong tamat dan selepas itu barulah giliran Bumiputera bukan Islam.

Dr Mahathir menjelaskan pemimpin Kadazandusun tidak dilantik sebagai Ketua Menteri selepas Osu, kerana ia mengambil kira keputusan pilihan raya negeri pada 1999 dahulu.

Ketua Menteri ketika itu, Tan Sri Bernard Dompok, mewakili masyarakat Kadazandusun ditolak oleh masyarakat Kadazandusun sendiri.

Sebaliknya, masyarakat terbabit menyokong parti pembangkang dengan jangkaan kemungkinan pemimpin pembangkang akan menjadi Ketua Menteri.

Sementara teka-teki mengenai Ketua Menteri Sabah sudah terjawab, persoalan timbul mengenai struktur Kabinet negeri yang akan dibentuk oleh Chong. Namun, persoalan ini pun akan terjawab hari ini.

Yang pasti, berdasarkan reaksi umum, rata-rata mengharap Chong membentuk Kabinet kuat dan berwawasan, menggabungkan muka lama dan baru, untuk menjana kekuatan menghadapi cabaran alaf baru.

(END)